

# Qalam

Bilangan 76 – Rabiulakhir 1376 November 1956 – 60 Sen

## Penetapan Agama di Persekutuan

Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu Tengku

Abdul Rahman di dalam kenyataannya telah menetapkan bahawa agama bagi Malaya merdeka nanti ialah agama Islam. Ini adalah dikehendaki dengan kuat oleh UMNO di dalam cita-cita kemerdekaannya.

Isytihar Tengku ini sudah terang disambut dengan gembira oleh umat Islam di Semenanjung Tanah Melayu dan kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas perisytiharan yang tepat dan nyata itu. Kita sejak dari dahulu lagi sudah bertujuan demikian iaitu mengkehendaki supaya agama Islam berdaulat di Tanah Melayu ini.

Sebuah negara Islam itu tidaklah bererti mengongkong kebiasaan agama-agama lain bahkan di dalam Islam ada menentukan ketentuan-ketentuan yang nyata terhadap orang-orang yang bukan Islam dan kerana itu perisytiharan Tengku tidaklah hendaknya menjadi salah pengertian bagi orang-orang yang bukan Islam. Ada baiknya kalau disyarahkan pengertian-pengertian itu kepada mereka supaya mereka tahu bahawa Islam ada mempunyai ketentuan-ketentuan yang nyata terhadap mereka itu. Bagi kita isytihar itu sangat besar ertinya sebab dari sejak Qalam diterbitkan dahulu cita-citanya tidak lain ialah mengkehendaki supaya umat Islam dengan agamanya berdaulat di negeri ini dan kerana sama tujuan itulah kita menjanjikan dalam cita-cita mendaulatkan Islam di Tanah Melayu ini kita akan

memberi kerjasama dan menyokong langkah-langkah itu.

Janganlah takut kepada kelemahan kita, kepada kekurangan kita, tatkala menegakkan kalimah Tuhan iaitu menegakkan cita-cita dan tanggungjawab sebagai orang Islam. Kita mesti ingat bahawa di dalam cita-cita yang demikian itu Tuhan ada beserta kita dan kerana itu tidaklah kita kawatir dalam melaksanakannya asalkan sahaja kita bersama-sama berikhtiar di dalam satu cita-cita iaitu menjadikan agama Islam berdaulat.

Dalam melaksanakannya ini janganlah terasa bahawa dengan kekecilan kita akan dapat dikalahkan kerana sudah berlaku kejadian-kejadian di dalam tawarikh bahawa cita-cita menegakkan Islam itu sungguhpun daripada golongan kecil tetapi berjaya dan tetap berjaya dengan pertolongan Tuhan. Firman Tuhan:

***Kam min fi'atin qalīlatin ghalabat fi'atan kathīratan bi idhn Allāh.***

Ertinya: “Berapa banyak kejadian puak yang kecil dapat mengalahkan puak yang besar dengan izin Allah.”

Dalam kita mengantarkan cita-cita menegakkan kehormatan agama Islam maka dasar yang pertama yang perlu kita utamakan ialah melagang supaya ada persatuan umat Islam dan menghidupkan persaudaraan yang erat yang kalau kita mengeneipkan pengertian-pengertian yang boleh memecahkan di antara sesama kita. Dalam perkara pengertian siasah apabila kita hendak menegakkan cita-cita Islam maka hendaklah kita menyatukan pengertian itu dengan serapat-rapatnya dan berusaha menjauhkan hal-hal yang boleh merugikan kita dalam perkara-perkara yang kecil. Juga dalam perkara yang berlaku mengenai ibadat bermazhab atau tidak bermazhab hendaklah di antara satu dengan lain bertukar-tukar fikiran secara persahabatan dan hormat-menghormati.

Pepatah mengatakan: “Kepala sama berbulu fikiran lain-lain.” Tidak bermakna apabila pengertian dan fikiran juga berlain-lain kita mesti memaksa orang tunduk atau takluk kepada pengertian kita tetapi hendaklah mengingatkan bahawa seseorang itu berhak menerangkan fikirannya dengan tidak memaksa orang mesti mengikut fikiran kita. Hormatilah pendapat dan fikiran masing-masing dan dalam pada itu hendaklah kita melagang perkara yang lebih besar iaitu merapatkan ukhuwah, merapatkan persaudaraan kerana dengan merapatkan ukhuwah dan persaudaraan itulah sahaja kita dapat menyatukan fahaman dan perjuangan kita.

Janganlah kita memberi sesuatu hal yang diterbitkan oleh pengertian-pengertian khilafiah yang timbul daripada aliran-aliran bermazhab. Pertentangan ini berlaku beratus bahkan beribu-beribu tahun maka oleh sebab itu berilah peluang masing-masing menerangkan pengertian dan tujuannya dengan tidak dipecah dan dihidupkan tuduh menuduh umpama kafir mengkafirkan. Cara ini tidaklah dikehendaki pada zaman sekarang kerana membawa perpecahan. Tegakkanlah kehormatan agama dan marilah kita bersama-sama melagang suatu persaudaraan kerana menyampaikan atau menyempurnakan tanggungjawab kita supaya agama Islam sebenar-benarnya berdaulat dan dengan kedaulatannya nanti, dengan beransur-ansur, menjadikannya satu cita-cita yang besar supaya Tanah Melayu menjadi sebuah negara Islam.

Dengan anjuran atau cita-cita inilah sahaja kita dapat memberi kerjasama tetapi sekiranya hanya pada bunyinya sahaja dan digunakan kerana alat atau tujuan yang lain harus juga umat Islam tidak akan dapat menyertainya. Mudah-mudahan Allah memberi kita taufik dan hidayah-Nya supaya Islam sepenuh-penuhnya berdaulat dan tanggungan kita menjadikan negara Islam yang makmur

dan bahagia (*balwatan tayyibatun wa rabbun ghafūr*) akan disampaikan Allah dan mudah-mudahan menjadikan mereka yang bekerja kepada tujuan itu terkandung di dalam lingkungan orang-orang yang menegakkan kalimah Allah – Amin.

\* \* \*

### **Umat Islam Perhatilah!**

Pengakuan Tengku Abdul Rahman menjadikan agama Islam agama rasmi bagi Persekutuan Tanah Melayu tidaklah patut umat Islam hanya berpeluk tubuh sahaja atau hanya menyambut dengan diam gembira tetapi tidak mahu bekerja di dalam hal ini.

Jika melihat perkembangan-perkembangan yang ada di sekeliling kita yang sebahagiannya tumbuh perasaan yang mengatakan bahawa agama Islam itu ialah agama ibadah semata iaitu pengertian yang dibawa oleh penjajah. Dalam menghadapi hal-hal yang tersebut ini sudah pada tempatnyalah kita menganjurkan supaya alim-ulama mengadakan satu perjumpaan atau muktamar untuk memikirkan atau memberi keputusan-keputusan bagaimana caranya umat Islam menyesuaikan diri kepada keadaan itu. Mustahak alim ulama itu berunding bagaimana wajibnya pengorbanan dijadikan dasar dalam segala lapangan pengorbanan umat Islam dan memajukan supaya Islam wajib dijadikan dasar bagi penghidupan peribadi orang seorang, masyarakat dan negara dan Islam wajib diperjuangkan oleh tiap-tiap pejuang Islam yang bertugas baik dalam masyarakat dan perwakilan di daerah dan di pusat.

Kita berharap supaya alim ulama membuktikan dan memerhatikan kedudukannya sebagai tumpuan perhatian Islam dan kerana itu sangatlah mustahak baginya bergerak dan apabila gerakan itu diatur sebegitu rupa untuk menghadapi perkembangan-perkembangan yang ada di hadapan kita sekarang ini maka sudah pada tempatnyalah mereka